

WAWANCARA

KHAIRULKHEIZA MOHD NAJIB

Usim meniti 15 tahun penuh kegemilangan



Bermula sebagai Kolej Universiti Islam Malaysia (Kuim) pada Januari 2000, institusi pendidikan yang ditubuhkan bagi melahirkan lebih ramai intelek menguasai ilmu Islam menempuhi fasa baharu sebagai universiti awam ke-12 apabila bertukar nama kepada Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) pada 1 Februari 2007.

Sedar tidak sedar, 15 tahun sudah berlalu dan

sepanjang tempoh itu pelbagai kejayaan ditempa dan dikecap sama ada di peringkat tempatan mahu pun antarabangsa.

Ikuti wawancara *Sinar Harian* bersama Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Musa Ahmad, dalam usaha menelusuri perkembangan institusi pengajian tinggi ini yang berpusat di Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan.

Sejauh mana Prof melihat perkembangan Usim dari dahulu hingga sekarang?

Alhamdulillah, Usim sudah berusia 15 tahun. Tapi kena maklum, saya di Usim baru lima tahun. Cuma dari segi penghayatan, perkongsian serta pengalaman dengan rakan-rakan yang sudah lama di sini, saya nampak perkembangannya agak signifikan dari segi prasarana fizikal, perkembangan akademik, pentadbiran dan pengurusan universiti.

Kita bermula dulu di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sekejap. Selepas itu ke Institut Profesional Baitulmal (IPB) di Kuala Lumpur. Seterusnya ke Pandan Indah. Sekarang di sini.

Kita ada dua lagi fakulti di Pandan Indah, perubatan dan pergigian. Insya-ALLAH mungkin dalam tiga tahun lagi, kedua-duanya juga akan berpindah ke Nilai.

Kalau dilihat dari segi kurikulum dan program akademiknya, itu pun saya nampak perubahan mendadak juga. Kita merupakan universiti yang menggerakkan integrasi naqli dan aqli.

Dari segi perkembangan kurikulum akademik, kita telah ada program ditawarkan di luar negara. Contoh, program dengan International Islamic University of Chittagong, Bangladesh.

Kita hasilkan Mahasiswa melalui acuannya iaitu integrasi naqli dan aqli. Kita rasa, mungkin tidak ada universiti yang menggunakan modul tersebut buat masa ini melainkan Usim saja selain ia selaras dengan apa dihasratkan kerajaan.

Dari aspek pengurusan universiti, kita semua sedia maklum bahawa Usim juga antara universiti awam yang telah mendapat autonomi.

Usim menawarkan model pengajian tinggi Islam yang unik yang menjadikan ia berbeza dengan universiti lain. Adakah ini antara yang menjadi tarikan kepada pelajar untuk memilih Usim?

Ya, betul. Semasa Usim diilhamkan oleh Perdana Menteri pada masa itu, Tun Dr Mahathir Mohamad dan juga Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak, apa yang mereka inginkan pada adalah sebuah universiti yang akan memberikan satu laluan arus perdana bagi pelajar lepasan sekolah agama.

Mereka inginkan universiti seperti al-Azhar, tetapi dilengkapi juga dengan aspek profesionalisme. Maka lahirlah Usim dan kita mengambil keputusan untuk menggunakan integrasi naqli dan aqli sebagai niche universiti.

Sebab utamanya memandangkan Usim adalah IPTA yang ke-12. Di atas, ada abang dan kakak yang cukup mantap. Justeru, kita cuba menjadi berbeza dan kalau boleh saling bekerjasama, bukannya bersaing.

Integrasi naqli dan aqli memberi ruang, di mana kita agak berbeza dengan universiti lain sebab tidak kiralah bila integrasi berkenaan menjadi niche universiti.

Kalau dilihat persepsi masyarakat terhadap graduan kita, contohnya perubatan, memang agak berbeza. Selain merawat pesakit seperti lazimnya, mereka telah diberikan ilmu berkaitan rukhsah ibadat, urusan jenazah dan aspek kepimpinan kaunseling.

Berapa ramai jumlah graduan dilahirkan Usim? Antara yang menjadi kebanggaan ialah...

Sekarang ini Usim telah menghasilkan hampir 10,000 graduan. Bagaimanapun, hendak cari yang sampai tahap perdana menteri atau menteri masih belum ada lagi. Tapi ada antaranya telah dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah kita juga. Beliau merupakan Pengurus Bahagian Syariah Bank Islam iaitu Anuar Elias.

Kita ada seorang lagi di TV Al-Hijrah iaitu Mohd Shahrul Faizie Zaini. Itu daripada (Fakulti) Komunikasi. Saya sendiri pun minat bila beliau kendalikan satu rancangan berkaitan dengan akidah. Pengolahan dilakukan, termasuk terjahkan demi terjahkan sehingga ke Indonesia sebagai contoh, membuatkan topik akidah jadi menarik untuk diikut.

Selain itu, ada juga alumni kita yang keluar untuk menyumbang kepada masyarakat. Misalnya Safuan Rahmat yang pernah dibesarkan di rumah anak yatim. Selepas menamatkan pengajian, dia pulang ke Darul Sakinah untuk menguruskannya.

Tidak kurang juga yang menceburi bidang keusahawanan. Jadi saya rasa, mereka akan menjadi orang penting dalam tempoh 10 ke 15 tahun lagi. Macam kita lihat

sekarang ini graduan dari Universiti Malaya (UM) ada Menteri, Perdana Menteri dan sebagainya.

Bagaimana Prof melihat peranan Usim dalam melahirkan graduan yang bukan sahaja cemerlang akademik, tetapi juga sahsiah diri?

Ini benda yang selalu orang akan lihat sebenarnya. Orang tidak mahu tengok sangat kamu ada ijazah bidang apa, sebab semua ada kelulusan masing-masing. Maknanya, orang akan lihat sahsiah yang ada pada individu.

Kita minta juga program hafazan untuk sebahagian fakulti. Cuma buat masa ini, langkah tersebut secara struktur hanya berlaku di Fakulti Pergigian serta Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan. Bagi fakulti lain pula, ia berlaku tetapi pengkhususan sistematik itu belum berlaku lagi. Ini pun menghasilkan sesuatu yang positif.

Kita ada suntikan dari segi agama. Sebagai contoh, kita lihat hubung kait antara Surah al-Hadid dengan besi. Dalam kimia, banyak dibincangkan mengenai sebatian dan galian besi. Apabila digarapkan dengan pengetahuan kimia dimiliki, kita akan faham mengapa al-Hadid dipilih sebagai nama surah itu. Benda sebegini yang kita bincangkan.

Di Usim juga, ada program antarabangsa yang kita wajibkan kepada pelajar. Mereka kena pergi ke luar negara sekurang-kurangnya sekali seumur hidup semasa di Usim. Ini dapat membuka minda mereka agar lebih bersyukur apa yang ada di negara sendiri.

Kokurikulum kita, terutama unit beruniform pun mendapat sambutan hangat daripada pelajar misalnya Palapes dan Suksis. Secara asasnya, mereka ini adalah ustaz sebab datang dari sekolah agama.

Menariknya macam Palapes, kita belum ada pusat lagi di Usim. Justeru, kita akan gabung dengan UKM buat masa ini. Kita nampak Usim akan ke depan apabila melibatkan pembacaan doa atau menjadi imam.

Misi dan perancangan Prof dalam memacu Usim ke arah kecemerlangan memperkasakan modal insan, selagi gus meletakkan Usim sebaris dengan universiti tempatan lain?

Perancangan ini agak jelas. Walaupun saya Naib Canselor keempat, mereka yang terdahulu masih terus menyumbang kepada Usim. Sebagai contoh, (Prof Emeritus) Tan Sri (Dr) Abdul Shukur merupakan Pengerusi Lembaga Pengarah kita. (Prof) Datuk (Dr) Muhamad Muda sekarang Pengarah Pusat Integrasi Naqli dan Aqli kita. (Prof) Datuk (Dr) Asma Ismail pula felo penyelidik akademik.

Dari segi pemetaan, memang kita wujudkan di peringkat serantau dan antarabangsa. Saya nampak bila benda ini berlaku, program-program Usim akan diterima ramai dan ditawarkan di luar negara.

Selain itu, dari segi perangkaan misalnya pertukaran pelajar. Itu semua dalam perbincangan. Mungkin dalam masa tiga hingga lima tahun, Usim akan lebih ke hadapan dalam konteks menawarkan program akademik di peringkat antarabangsa.

Usim juga ke arah kelestarian kampus. Memandangkan Usim berasaskan Islam dan Sains, maka kita perlu terbaik dalam kedua-dua aspek. Kita sudah cuba masuk dalam UI GreenMetric, baru-baru ini. Walaupun disenaraikan dan rankingnya tidaklah begitu menonjol, tetapi ia satu permulaan positif.

Selain itu, kita juga perlu memperkasakan aspek penjaan kewangan sesuai dengan status autonomi diperoleh. Bila ada wang dijana, banyak aktiviti dirancang dapat dilaksanakan tanpa mengharapkan bantuan dari kerajaan. Ada aspek tertentu mungkin boleh dibangunkan menggunakan dana dijana sendiri. Itu antara perancangan, misi dan juga fokus Usim untuk masa depan.

Harapan Prof melihat Usim dalam tempoh beberapa tahun akan datang?

Sesuai dengan misi dan perancangan disebutkan tadi, saya mengharapkan mungkin dalam masa terdekat ini, Usim akan menjadi pusat rujukan dalam aspek integrasi naqli dan aqli sebab inilah niche Usim.

Melalui langkah inilah saya harap Usim akan menjadi unik berbanding universiti lain sama ada tempatan atau luar negara. Kita yakin dengan strategi telah disusun dan prasarana cuba dibangunkan, perkara tersebut dapat dicapai untuk Usim 16 dan Usim 25.